

Headline	12 pengemis jalanan ditahan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	30	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	329 cm ²
Journalist	Nor Khalilah Gusti Hassan	AdValue	RM 6,975
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,924



12 pengemis jalanan ditahan

Operasi di tapak pasar tani, pasar besar dan pasar karat di Kuantan

Oleh NORKHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

Seramai 12 pengemis ditahan dalam operasi penguatkuasaan pengemis jalanan dan kutipan derma di Kuantan di sini pagi semalam.

Penolong Pengarah Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), Anuar Hisham Ahmad berkata, kesemua yang ditahan diserahkan ke jabatan berkaitan di bawah bidang kuasa mereka.

Menurutnya, operasi yang dilakukan di sekitar tapak pasar tani berhadapan Pusat Transformasi Bandar UTC, pasar besar dan pasar karat Kuantan itu membabitkan 80 anggota penguat kuasa.

“Pihak yang terlibat ialah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Jabatan Imigresen.

“Operasi ini dilakukan bagi mengenalpasti pengemis yang benar-benar susah untuk disalurkan bantuan dan tidak perlu lagi mengemis di jalanan,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Anuar Hisham berkata, pada



Anggota penguat kuasa menyiasat siasat pengemis dalam operasi di Kuantan semalam.



Antara pengemis yang ditahan dalam operasi itu.

masa sama pihaknya juga mahu memerangi dan membasmi pengemis bersindiket dan kutipan derma palsu di Kuantan.

Katanya, tiada tabung derma haram yang dirampas dalam operasi julung kali diadakan ini berikutan pihak JAIP sebelum

ini menerusi Majlis Ugama Islam dan Adar Resam Negeri Pahang (Muip) sentiasa membuat pemantauan.